

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : SELASA, 7 APRIL 2015

RUJUKAN : L13 [PR-1331-L66444]

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah pendatang haram dan pelarian UNHCR yang berdagang di kawasan Pasar Borong Selayang dan masalah-masalah sosial-ekonomi yang berpunca daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Selayang, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil maklum akan masalah pendatang haram yang menjalankan perniagaan dan penjajaan di Pasar Borong Selayang dan ingin menegaskan bahawa lesen perniagaan dan penjajaan tidak pernah diberikan kepada warga asing termasuklah pelarian UNHCR. Perkara ini termaktub di bawah Undang-Undang Kecil Pasar WPKL 1984, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai WPKL 1989 dan Undang-Undang Kecil Pasar Borong WPKL 2002.

Justeru, bagi menangani isu pendatang haram di sekitar kawasan Pasar Borong Selayang, pihak Kementerian melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, DBKL sentiasa mengadakan pemantauan dan menyelaras aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa di lokasi tersebut bagi mengawal selia masalah lambakan warga asing.